

# Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11\*

## Language and Power: An Analysis of Barisan Nasional Discourse in the 11<sup>th</sup> Malaysia General Election

IDRIS AMAN

### ABSTRAK

*Barisan Nasional – gabungan parti yang memerintah Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957 – memperoleh kuasa memerintah lagi selepas menang besar dalam pilihan raya umum kesebelas pada tahun 2004 dengan majoriti 90 peratus kerusi Dewan Rakyat dan menguasai semua kerajaan negeri, kecuali Kelantan. Pelbagai pandangan sains politik, sosiologi, serta ulasan mengenai faktor kejayaan tersebut telah diutarakan di media massa. Berlainan daripada pandangan yang pernah diutarakan itu, makalah ini meneliti kejayaan Barisan Nasional itu dari perspektif linguistik, iaitu dari cara mereka memanfaatkan dan menggembelng bahasa atau wacana untuk mencapai hasrat mempertahankan dan memperoleh kekuasaan politik. Penulis berpandangan bahawa pengurusan pemerolehan kuasa politik sebahagiannya merupakan pengurusan wacana organisasi berkenaan juga. Pemerolehan kuasa politik dalam konteks makalah ini adalah sebahagian daripada praktis sosial. Wacana Barisan Nasional yang dipilih untuk tujuan analisis ini ialah manifesto pilihan raya umum kesebelas mereka. Analisis adalah berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis (critical discourse analysis), kaedah Fairclough. Berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis Fairclough itu, dimensi tekstual dan dimensi amalan wacana berkenaan dikupas. Analisis tekstual meliputi huraian aspek leksikal, nahu, dan struktur generik wacana. Analisis amalan wacana pula meliputi interpretasi penghasilan, penyebaran, penggunaan, sifat amalan, daya ujaran, dan semiotik wacana. Praktis pemerolehan kuasa yang terselindung di dalam manifesto berkenaan dipertalikan secara dialektik dengan dapatan daripada kedua-dua dimensi tersebut.*

### ABSTRACT

*Barisan Nasional – a coalition of several political parties which govern Malaysia since independence in 1957 – has retained the power to rule after a landslide victory in the 11<sup>th</sup> general election in 2004 with a 90 percent majority in the parliamentary seats, and dominating all state governments, except Kelantan. Various victory factors have been commented from the perspectives of political science, sociology, and from public viewpoints in the mass media. In contrast, this article analyses the Barisan Nasional victory from the linguistic*

*perspective, the way language was manipulated and utilized, in terms of discourse, in order for the party to gain and retain political power. This writer believes that political power gaining management is a part of organization's discourse management too. Gaining political power in the context of this study is seen as a part of social practice. The discourse chosen for this study is the Barisan Nasional 2004 general election manifesto. Analysis is based on Fairclough's framework of critical discourse analysis. Through this framework, a textual and discursive practice is analysed. The textual analysis will be the description of the features of vocabulary, grammar, and generic structure of the discourse text. Meanwhile, the discursive practice will be the interpretation of the production, distribution, consumption, force of utterances, and semiotic aspects of the discourse. Findings from both aspects will then be explained inter-connected dialectically with the acquisition of power, which is subtly hidden in the manifesto.*

## PENDAHULUAN

Parti Barisan Nasional (BN – gabungan parti<sup>1</sup> yang memerintah Malaysia sejak merdeka pada 1957) telah memperoleh kuasa memerintah lagi selepas menang besar dalam pilihan raya umum yang kesebelas pada 2004 dengan majoriti 90 peratus dan jumlah undi/kerusi di luar dugaan (Jadual 1). Kejayaan besar itu merupakan suatu sejarah dalam pilihan raya umum Malaysia. Pelbagai faktor diketengahkan oleh pengamat sebagai pembawa kemenangan besar itu. Antaranya ialah faktor keperibadian Pengerusi baru Barisan Nasional merangkap Presiden UMNO (United Malay National Organization), iaitu sebuah parti dominan Barisan Nasional - Abdullah Ahmad Badawi - yang menerima teraju kepimpinan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad mulai 1 November 2003, faktor pengundi baru-muda, pembangkang tiada isu besar yang boleh dipermainkan, faktor angin perubahan pengundi, dan peranan Puteri UMNO. Bagaimanapun, sebagaimana lazim faktor-faktor tersebut dikemukakan dalam kerangka pandangan atau ulasan sains politik, sosiologi, atau pandangan-pandangan umum di media massa sahaja (Lihat misalnya Fuad et.al 2004).

Berlainan daripada kerangka dan pandangan tersebut, makalah ini berhasrat meneliti kejayaan Barisan Nasional itu dari sudut cara parti berkenaan menggembleng dan menguruskan bahasa mereka dalam usaha memperoleh kuasa pemerintahan negara. Bahasa dalam konteks ini bermaksud bahasa penggunaan sebenar atau dalam sesetengah aliran linguistik dinamakan *performance* atau dalam istilah yang menjadi *trend* sekarang, 'wacana' atau *discourse*. Penulis berpandangan bahawa bahasa adalah objek kebudayaan yang berpengaruh di dalam kehidupan manusia. Dalam banyak urusan kehidupan, peranan bahasa tidak dapat dinafikan. Manusia memanipulasi dan menggembleng bahasa untuk proses-proses sosial, seperti memimpin atau memperoleh kuasa, mendidik,

berdagang, berkasih sayang, dan menghalalkan penaklukan. Habermas (1984) misalnya, menegaskan bahawa penguasaan kehidupan dunia oleh sistem ekonomi dan *state* jelas adalah melalui penggunaan bahasa secara strategik. Bourdieu (1991) pula menegaskan bahawa bahasa tidak seharusnya dilihat sebagai sarana komunikasi semata-mata, tetapi juga perlu dilihat sebagai sarana kuasa (Fairclough 1992). Sungguhpun demikian, bahasa jarang dimanfaatkan atau diambil kira dalam pemerihalan dan pemahaman sesuatu proses sosial, seperti yang disebutkan itu. Keadaan ini berlaku kerana dalam disiplin linguistik semasa, bahasa lebih giat dihurai secara mujarad dan ‘jernih’ (*transparent*) dalam kerangka ‘dunia bahasa’ semata-mata dan tidak atau jarang misalnya, dilihat sebagai siratan ‘dunia nyata’. Fairclough (1992) melihat keadaan ini sebagai berpunca daripada ketiadaan kerangka analisis wacana yang berkeupayaan mengendalikan hal demikian.

Makalah ini turut berpandangan bahawa wacana pilihan raya merupakan satu cara bahasa diuruskan oleh manusia politik (atau melalui institusi dan organisasinya) untuk mencapai hasrat ‘memimpin’ atau memperoleh kuasa politik. Memimpin atau mendapatkan kuasa politik dalam konteks ini adalah suatu proses sosial. Peri pentingnya bahasa dalam memperoleh kuasa dapat dilihat daripada pernyataan Chilton & Schäffner (1997) yang mengatakan bahawa politik tidak dapat dikendalikan tanpa bahasa. Fairclough & Wodak (1997) pula menegaskan bahawa perkiraan reka bentuk bahasa politik merupakan faktor penting bagi kejayaan pertarungan politik. Fairclough (2000) menulis “language is becoming an increasingly prominent element of the practices of politics and government” (hlm. 6) dan ... *political differences have always been constituted as differences in language, political struggles have always been partly struggles over the dominant language ...* (hlm. 3). Pendek kata, pengurusan pemerolehan kuasa sebahagiannya adalah berkaitan pengurusan bahasa (wacana) individu, organisasi atau institusi berkenaan. Dalam masa yang sama boleh juga berlaku keadaan sebaliknya, iaitu pengurusan bahasa (wacana) adalah berkaitan pengurusan pemerolehan kuasa juga.

Selain itu, analisis linguistik melalui perspektif ini adalah satu usaha melebarkan makna dan ufuk linguistik, iaitu yang bukan sahaja memerihail dan menghuraikan ‘dunia bahasa’ (*the world of language*) secara kering (dan kadangkadangkang mujarad seperti analisis linguistik aliran Chomsky), tetapi juga merupakan penjelasan bahasa penggunaan sebenar dalam pengertian bahasa dalam kehidupan sosial atau ‘dunia nyata’ (*real world*). Yang pertama itu dinamakan ‘linguistik dunia bahasa’, manakala yang kedua dinamakan ‘linguistik dunia nyata’.

Secara ringkas, linguistik dunia bahasa bermaksud penghuraian sistem atau bentuk (‘form’) sesuatu bahasa semata-mata, seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan struktur wacana, tanpa mengambil berat soal fungsi dan hubungannya dengan representasi kehidupan sosial yang mungkin terselindung di dalamnya. Linguistik dunia nyata pula melihat bahasa secara lebih luas. Linguistik dunia nyata adalah usaha menghubungkan fungsi sistem bahasa

yang digunakan dalam wacana dengan keadaan dunia nyata kehidupan sosial manusia seharian dalam mana wacana itu dihasilkan. Pendek kata, linguistik dunia nyata bermula apabila linguistik dunia bahasa berakhir. Misalnya, sistem transitiviti atau modaliti yang dimanfaatkan di dalam sesuatu wacana institusi atau individu cuba dipertalikan secara dialektik dengan proses atau praktis sosial seharian, seperti perjuangan kuasa (lihat juga Idris Aman 2004:209-216). Linguistik dunia nyata juga merupakan satu kerangka pemikiran sains sosial yang memanfaatkan bahasa (khususnya wacana) dalam memahami sesuatu proses atau praktis kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, secara ringkas tetapi serampang dua mata, kajian linguistik ini adalah usaha pragmatis, dan dalam masa yang sama adalah usaha pengasahan kerangka teori sosial juga.

#### KERANGKA DAN PENDEKATAN KAJIAN

Kajian linguistik ini adalah analisis wacana yang digerakkan dalam kerangka pemikiran 'linguistik dunia nyata' atau *real world linguistics*. Analisis bahasa dalam linguistik dunia nyata merupakan satu perspektif analisis wacana yang mempertalikan cara bagaimana bahasa diguna-gemblengkan bagi sesuatu proses atau praktis sosial tertentu yang mungkin terselindung di dalamnya, seperti kepimpinan, kekuasaan, kedominasian, kependidikan, perkauman, kekitaan, perpaduan, persahabatan, kesetiakawanan, keasingan (*other*), ideologi, dan hegemoni.

Kajian ini menerapkan kerangka 'analisis wacana kritis' (*critical discourse analysis-CDA*) pendekatan Fairclough (1989; 1992; 1995). Secara ringkas, pendekatan Fairclough mendeskripsi, menginterpretasi, dan menjelaskan wacana secara sepadu dari tiga aspek, iaitu analisis teks, analisis amalan wacana, dan analisis sosial. Teori analisis wacana kritis berpandangan bahawa di dalam kebanyakan wacana tersirat atau terselindung proses sosial tertentu yang menyebabkan wacana itu dihasilkan sedemikian adanya oleh pewacananya. Proses sosial berkenaan dirumuskan daripada hubung kaitnya secara dialektik (timbal balas) dengan ciri teks dan ciri kewacanaannya.

Dalam kajian ini, proses sosial yang diberi perhatian ialah cara pemerolehan kuasa politik atau pemerintahan negara diusahakan, diuruskan serta diperjuangkan melalui bahasa - wacana. Wacana, iaitu teks manifesto pilihan raya umum ke-11 Parti Barisan Nasional dianalisis melalui teknik pencerakinan semula strukturnya (*reconstruction*), iaitu dengan mengupas amalan pemprosesan wacana dan ciri tekstualnya. Mengikut Fairclough (1992), analisis dimensi amalan pemprosesan wacana adalah interpretasi cara (a) penghasilan wacana/teks yang melibatkan interdiskursiviti dan intertekstualiti; (b) penyebaran yang melibatkan penghasilan semula atau transformasi; (c) penggunaan; (d) syarat amalan wacana. Fairclough (1995:131) turut memasukkan (e) aspek semiotik wacana, seperti gambar dan komunikasi tanpa ujar.<sup>2</sup> Analisis dimensi tekstual pula melibatkan huraian penggunaan (a) nahu klausa; (b) kosa kata; (c) struktur generik; (d) daya ujaran;

(e) koheren; dan (f) kohesi. Sifat amalan pemprosesan dan ciri teks wacana itu kemudian disimpulkan atau dipertalikan secara dialektik<sup>3</sup> dengan proses perolehan kepimpinan atau kuasa yang terselindung di dalam wacana manifesto pilihan raya Barisan Nasional itu. Rumusan pendekatan Fairclough itu diturunkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Rumusan Pendekatan 3-Dimensi Analisis Wacana Kritis bagi Menganalisis Praktis Sosial dalam Wacana Berdasarkan Fairclough (1992 & 1995)

Penjelasan Praktis/Proses Sosial	
Penafsiran Ciri Kewacanaan	PENGHURAIAN CIRI TEKS
1. Penghasilan Wacana/Teks	1. Kosa Kata
- Interdiskursiviti	2. Nahu
- Intertekstualiti	- transitiviti
2. Penyebaran	- modaliti
- Penghasilan semula	3. Kohesi
- Transformasi	4. Struktur
3. Penggunaan	5. Kawalan Interaksi
4. Syarat Amalan Wacana	
5. Daya Ujaran	
- Jenis lakuan ujaran/bahasa	
6. Semiotik Generik Teks	

## WACANA KAJIAN: MANIFESTO PILIHAN RAYA BARISAN NASIONAL

Data wacana Barisan Nasional yang dianalisis ialah manifesto pilihan raya umum ke-11, 2004 sahaja. 'Manifesto' ialah "a usually printed statement of principles and policies made by a leader or a group, especially a political party, before an election" (*Oxford Advanced Learner's Dictionary* 1995). Manifesto merupakan salah satu wadah 'kesampaian' mesej bertulis kepada rakyat. Manifesto penting bagi setiap parti politik apabila menghadapi pilihan raya, selain melalui kempen bersemuka dan sumbangan serta peranan media massa. Menjelang pilihan raya umum setiap parti politik pasti akan membentuk manifesto masing-masing sebagai pernyataan garis pandu umum perjuangan, matlamat, komitmen, dan janji mereka.

Dalam hal ini, Parti Barisan Nasional turut melancarkan dengan rasmi manifesto pilihan raya umumnya pada 14 Mac 2004 dalam satu majlis khas di PWTC (*New Straits Times* 15 Mac 2004). Pelancaran itu dilakukan oleh Pengerusinya, iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Pendek kata, Barisan Nasional melihat manifesto mempunyai peranan tersendiri dan penting dalam konteks kesampaian wacana parti politik kepada khalayak pengundi dalam pilihan raya negara. Demi kepentingannya inilah, Barisan Nasional telah mereka cipta

manifesto sedemikian rupa bagi menghadapi pilihan raya. (Hal ini dibincangkan dengan lanjut dalam bahagian analisis di bawah).

Sejajar dengan kepentingan itu, Barisan Nasional nampaknya tidaklah 'membiarkan' sahaja manifesto itu selepas memenangi pilihan raya, sebaliknya sentiasa memberi perhatian. Misalnya, akhbar *New Straits Times* Jumaat 6 Mei 2005 melaporkan pada berita utama muka depannya mengenai kesedaran Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi tentang isu yang digariskan dalam manifesto pilihan raya umum 2004 bertajuk "*PM: I'm aware...*". Di dalam berita itu dipetik ucapan beliau kepada Kelab Harvard yang antara lain berbunyi ... *I am committed to realizing the promise made in the Barisan Nasional manifesto before the general election last March. Those were solemn promises, not made in the heat of electioneering, but rather after careful thought about what needed to be done for Malaysia...*

Manifesto Barisan Nasional pilihan raya umum 2004 di bawah kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan agenda yang menyeluruh terhadap banyak elemen dengan tema 'Ke Arah Malaysia Cemerlang, Gemilang, Terbilang'. Yang jelas, manifesto itu berkisar pada empat teras, iaitu memastikan tiada golongan dan kaum dipinggirkan, menjamin keamanan, kemakmuran, dan keharmonian rakyat, mengutamakan perpaduan negara, dan memastikan satu sistem kerajaan untuk semua rakyat; dengan memberi keutamaan kepada lapan aspek, iaitu ekonomi, pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak, dan nilai etika, undang-undang dan keselamatan awam, perkhidmatan awam, dan dasar luar negara.

## LATAR BELAKANG PILIHAN RAYA UMUM KE-11

Pilihan Raya Umum Malaysia yang ke-11 telah diadakan pada 21 Mac 2004 dan 13 Mac 2004 adalah tarikh penamaan calon. Tempoh berkempen ialah selama tujuh hari, iaitu dari selesai penamaan calon hingga jam 12.00 tengah malam 20 Mac 2004. Dalam pilihan raya itu, 10 buah parti politik bertanding, iaitu Barisan Nasional, PAS, Keadilan, DAP, MDP, Setia, Bersekutu, Pasok, SNAP, dan STAR serta calon bebas. Pilihan raya itu melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (kecuali Dewan Undangan Negeri Sarawak). Dewan Rakyat mempunyai 219 kerusi ([www.parlimen.gov.my/dR](http://www.parlimen.gov.my/dR)).

Dalam pilihan raya umum itu, Barisan Nasional telah menang besar, menguasai majoriti 90 peratus, iaitu 199 kerusi Dewan Rakyat, manakala DAP 12 kerusi, PAS 6 kerusi, Keadilan 1 kerusi, dan Bebas 1 kerusi.<sup>4</sup> Parti lain tidak memenangi sebarang kerusi. Hal ini bermakna pembangkang hanya memperoleh 20 kerusi. Di samping itu, Barisan Nasional juga menguasai semua kerajaan negeri, kecuali Kelantan ([www.parlimen.gov.my/dR](http://www.parlimen.gov.my/dR)).

Pilihan raya umum itu merupakan pilihan raya umum pertama dipimpin oleh Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Barisan Nasional merangkap Presiden

UMNO setelah mewarisi tampuk kepimpinan daripada Dr. Mahathir Mohamad. Lima pilihan raya umum sebelumnya dipimpin oleh Mahathir Mohamad dengan kemenangan semuanya. Selaku pemimpin baru Abdullah mempunyai tanggungjawab yang berat untuk meneruskan kemenangan dalam semua pilihan raya umum sebelum itu dan mengekalkan kuasa pemerintahan Barisan Nasional. Untuk tujuan tersebut tentulah beliau dan partinya berusaha sebaik mungkin bagi memperoleh kepercayaan dan keyakinan pengundi. Cabaran besar kepada beliau ialah perlu mempunyai perancangan, visi, idea, dan keunikannya sendiri yang boleh membezakannya dari pemimpin sebelumnya, tetapi tidak kurang hebat kualiti kepimpinannya. Gaya dan isi kepimpinannya sedikit sebanyak diserlahkan oleh wacananya. Sementara kemenangan besar yang Barisan Nasional, di bawah kepimpinannya, perolehi dalam pilihan raya itu mempunyai erti besar kepada kepimpinan Abdullah sendiri. Kejayaan yang diperolehi itu sekali gus membuktikan keupayaannya lantas menolak kesangsian terhadap kualiti kepimpinannya. Perkara-perkara inilah yang menjadikan pilihan raya umum 2004 itu menarik untuk dibincangkan, khususnya manifesto pilihan rayanya.

JADUAL 2. Bilangan Ahli Dewan Rakyat (P) dan Dewan Undangan Negeri (N) Berdasarkan Pilihan Raya Umum 2004

NEGERI/KERUSI		BN		PAS		KEADILAN		DAP		BEBAS	
		P	N	P	N	P	N	P	N	P	N
Perlis	P:3; N:15	3	14	-	1	-	-	-	-	-	-
Kedah	P:15; N:36	14	31	1	5	-	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	P:13; N:40	8	38	-	1	1	-	4	1	-	-
Perak	P:24; N:59	21	52	-	-	-	-	3	7	-	-
Selangor	P:22; N:56	22	54	-	-	-	-	-	2	-	-
N. Sembilan	P:8; N:36	8	34	-	-	-	-	-	2	-	-
Melaka	P:6; N:28	6	26	-	-	-	-	-	2	-	-
Johor	P:26; N:56	26	55	-	1	-	-	-	-	-	-
Kelantan	P:14; N:45	9	20	5	25	-	-	-	-	-	-
Terengganu	P:8; N:32	8	28	-	4	-	-	-	-	-	-
Pahang	P:14; N:42	14	41	-	-	-	-	-	1	-	-
Sabah	P:25; N:60	24	59	-	-	-	-	-	-	1	1
Sarawak	P:28; N:0	27	-	-	-	-	-	1	-	-	-
Kuala Lumpur	P:11; N:0	7	-	-	-	-	-	4	-	-	-
Labuan	P:1; N:0	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Putrajaya	P:1; N:0	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		199	451	6	37	1	-	12	15	1	1

*Sumber:* www.parlimen.gov.my/dR dan www.bharian.com.my/Misc/Pilihanraya2004 Bertarikh 20 Oktober 2004

Bahagian berikut memuatkan kupasan bagaimana bahasa (wacana) digembleng dalam manifesto Barisan Nasional bagi menghadapi pilihan raya umum 2004.

## MANIFESTO DAN KUASA

Manifesto pilihan raya 2004 Barisan Nasional secara bijaksana menyirat soal kuasa. Kuasa dalam konteks ini bermaksud pengurusan pemerolehan kuasa pemerintahan negara. Makalah ini berpandangan bahawa pengurusan pemerolehan kuasa pemerintahan negara yang tersirat di dalam manifesto itu dimanifestasikan oleh pengurusan bahasa wacananya. Pengurusan bahasa wacana itu pula dikupas daripada cara pemprosesan wacana dan ciri aspek tekstualnya. Perkara ini dirumuskan di dalam Jadual 3. Bagi menjelaskan dengan lebih lanjut bagaimana proses pengurusan pemerolehan kuasa pemerintahan negara terselindung di dalam wacana manifesto pilihan raya Barisan Nasional itu, perbincangan menginterpretasi proses kewacanaan dan menghuraikan aspek tekstual manifesto berdasarkan pendekatan Fairclough (1992; 1995) seperti yang dinyatakan sebelum ini satu demi satu.

### KEWACANAAN MANIFESTO BARISAN NASIONAL

Analisis proses kewacanaan manifesto pilihan raya umum 2004 Barisan Nasional melibatkan usaha mentafsir atau menginterpretasi aspek (a) penghasilan, (b) penyebaran, (c) penggunaan, dan (d) semiotik wacana.

### PENGHASILAN

Analisis proses penghasilan melibatkan kaedah rekonstruksi (Fairclough 1992). Dalam kajian ini, analisis penghasilan menjurus kepada tiga proses yang ketara di dalam manifesto tersebut yang boleh dipertalikan dengan soal pengurusan kuasa, iaitu amalan intertekstualiti, interdiskursiviti, dan daya ujaran ('force of utterances').

### INTERTEKSTUALITI

Istilah intertekstualiti telah diperkenalkan oleh Kristeva pada tahun 1966 sebagai memperkemaskan konsep translinguistik Bakhtin (Fairclough 1992). Istilah tersebut secara ringkas bermaksud sumber daripada teks atau suara pihak lain yang digunakan secara anyaman oleh pewacana bagi menghasilkan teks baharu (Fairclough 2003). Fairclough (1992) menegaskan bahawa intertekstualiti umumnya dianyam sama ada secara 'urutan' (*sequential*), 'tertanam' (*embedded*), atau 'bercampur' (*mixed*). Intertekstualiti boleh bersifat dialog, andaian, penolakan, dsb. Bentuk yang paling biasa ialah cakap ajuk (reported speech) atau petikan (Fairclough 2003). Pengenalpastian unsur intertekstualiti dalam



JADUAL 3. Intipati Analisis Wacana Kritis Manifesto Barisan Nasional

Proses Kewacanaan		Manifesto Barisan Nasional dan Kuasa	Ciri Teks
		<b>Nahu</b>	- Ayat aktif: 'BN' & 'kami' sebagai GN pelaku; 'anda' - pengundi
Intertekstualiti	a. Slogan pemimpin b. Petikan ungkapan pemimpin		a. Transitivity  b. Modaliti
Interdiskursiviti	a. Puisi pemimpin b. Perutusan PM c. Ikrar d. Seruan	<b>Kosa Kata</b>	- <i>akan, perlu, harus, telah tetap, terus, masih</i> - Bertekad; Berazam - Untuk 3 Prinsip
Daya Ujaran	a. Pernyataan - Komitmen - Pencapaian - Tekad (hlm. 8-18) b. Permintaan - Permohonan - Rayuan	<b>Struktur Generik Teks</b>	1. Tema: 'Ke arah Malaysia CGT'  2. Prinsip - 3 prinsip 3. Dasar - Komitmen - (Pencapaian) - Tekad 4. Ikrar 5. Rayuan
<b>Penghasilan</b>			

(Sambungan) JADUAL 3.

---

<b>Semiotik</b>	Reka Bentuk	<ul style="list-style-type: none"><li>- kulit luar</li><li>- wama</li><li>- susunan</li><li>- Menarik dan sesuai dengan subjek yang diwacanakan</li><li>- Akhbar</li><li>- Internet</li><li>- B. kebangsaan</li><li>- B. antarabangsa (B. Ing)</li><li>- Bhs. kaum</li><li>- Bhs. suku kaum</li><li>- (Iban &amp; Kadazan)</li></ul>
<b>Penyebaran dan Penggunaan</b>	Gambar foto Pemediaan Pelbagai Bahasa	

---

wacana membantu proses pemahaman hubungan dialektik antara amalan wacana dengan proses pengurusan pemerolehan kuasa. Pada hemat penulis, di dalam manifesto pilihan raya Barisan Nasional ini terdapat dua bentuk intertekstualiti yang digemblengkan bagi projeksi kuasa, iaitu:

- Slogan pemimpin
- Ungkapan pemimpin

Intertekstualiti yang digembleng di dalam teks memperkukuhkan penghasilan wacana.

### i. Intertekstualiti Slogan Pemimpin

Slogan, cogan kata, motto, atau kata semboyan adalah “kata-kata keramat yang dijadikan pegangan (panduan, dll) sesuatu organisasi (kempen dsb)” (*Kamus Dewan* 2005). Slogan lazimnya adalah frasa yang mudah diingat digunakan untuk mengiklan atau menyatakan tujuan sesuatu (organisasi, kempen, dll) (*Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia* 1990). Tujuannya adalah supaya dengan adanya slogan itu sesuatu yang hendak ditonjolkan itu mudah dikenali atau dirujuki. Mencipta slogan merupakan kaedah yang lazim dalam dunia hari ini, sama ada dunia perniagaan, politik, atau organisasi. Misalnya, kita biasa mendengar dan membaca slogan, seperti ‘bahasa jiwa bangsa’ (slogan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia), ‘ilmu, iman, amal’ (Universiti Kebangsaan Malaysia), ‘now everyone can fly’ (AirAsia), ‘penyebarkan fikiran rakyat’ (akhbar *Utusan Malaysia*), dan lain-lain.<sup>5</sup>

Penghasilan manifesto Barisan Nasional ini juga memuatkan slogan. Slogan manifesto pilihan raya umum ke-11 2004 Barisan Nasional ialah *Cemerlang, Gemilang, Terbilang*. Tiga kata keadaan ini merupakan kutipan daripada ungkapan Abdullah Ahmad Badawi sewaktu berucap kepada penyokongnya di tempat dan masa lain sebelum terhasilnya manifesto ini, iaitu sewaktu beliau mula menerima tampuk kerajaan daripada Dr. Mahathir Mohamad pada November 2003. Slogan *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* dimuatkan di muka hadapan, dalam bahagian atas tengah halaman 2 hingga 19, dan dalam halaman akhir - halaman 20 manifesto. Slogan tersebut bukan sahaja mempunyai rima akhir yang menarik disebut dan didengar, tetapi juga mempunyai makna yang dihajatkan. Penggemblengan slogan tersebut ternyata membawa kesan positif dalam kesinambungan kekuasaan Barisan Nasional, dan sedikit sebanyak menyumbang kepada kejayaan dalam pilihan raya 2004.

Slogan *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* kini telah menjadi sebutan dan rujukan pemimpin parti Barisan Nasional dalam wacana-wacana yang mereka hadiri, malah dalam kalangan kakitangan kerajaan sekalipun. Di samping itu, lagu yang berteraskan slogan tersebut dihasilkan dan perlu dinyanyikan pula oleh

kakitangan kerajaan semasa perhimpunan bulanan mereka. Menurut laporan akhbar, Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi pernah menegur kakitangan Jabatan Perdana Menteri yang tidak hafal lirik lagu berkenaan dalam perhimpunan bulanan mereka. Malah, kata daripada slogan berkaitan juga diterbitkan tema sambutan 50 tahun kemerdekaan Malaysia pada bulan Ogos 2007, iaitu 'Malaysiaku Gemilang'.

Di sisi lain, slogan Cemerlang, Gemilang, Terbilang memang menarik tetapi lebih merupakan slogan manifesto/pilihan raya semata-mata. Hal ini kerana tiada penjelasan tentang apa yang dimaksudkan cemerlang, gemilang, dan terbilang itu, walaupun, secara keseluruhan, manifesto menggariskan empat teras (tiada peminggiran mana-mana golongan, penglibatan semua kaum, penjaminan keamanan, kemakmuran dan keharmonian seluruh rakyat, dan mengutamakan perpaduan dan sistem kerajaan untuk semua) dalam lapan elemen perjuangan, janji, dan harapan parti (ekonomi, pembangunan seimbang, pendidikan, agama, sahsiah, akhlak dan etika, undang-undang dan keselamatan awam, perkhidmatan awam, dan dasar luar negara) seperti yang dibincangkan sebelum ini. Yang ada hanyalah ulasan berkaitan dengan slogan itu, iaitu yang terdapat dalam elemen perutusan Abdullah Ahmad Badawi (hlm. 3) yang menyatakan ... Barisan Nasional tidak pernah berpuas hati dengan sekadar bergantung kepada rekod cemerlang. Kita sering mencari jalan untuk memperbaharui dan memperbaiki... Lonjakan pembangunan baru ini, selain memberi makna kepada kejayaan-kejayaan yang sudah kita kecapai, sebenarnya mampu membawa negara tercinta kita menjadi lebih Cemerlang, Gemilang, Terbilang” (gelapan saya). Kalau berdasarkan frasa yang digelapkan dalam perutusan itu, dapat dikatakan bahawa negara yang beliau warisi kepimpinannya ini memang sudah cemerlang semasa dalam tangan pemimpin terdahulu, cuma beliau menambahnya lagi. Bagaimanapun, pemimpin terdahulu tidak menggunakan bahasa atau slogan itu; beliau menggunakannya. Dengan kata lain, beliau bijak berbahasa. Tindakannya itu memang memberi kesan positif kepada pengurusan pemerolehan kuasa.

## ii. Intertekstualiti Ungkapan Pemimpin

Manifesto pilihan raya Barisan Nasional itu juga turut mengintertekstualitikan ungkapan pemimpinnya, Abdullah Ahmad Badawi. Ungkapan itu dipetik (quoted) secara kapsyen dengan mengekalkan tanda pengikat kata (“ ”). Ungkapan Abdullah Ahmad Badawi selaku pemimpin parti yang dimuatkan adalah yang berkaitan dengan idea dan falsafah perjuangan beliau. Kata-kata yang diintertekstualitikan itu adalah wacana yang pernah beliau ucapkan setelah mengambil alih teraju kepimpinan negara pada November 2003 hingga sebelum pilihan raya. Petikan yang dimuatkan itu adalah yang secocok dengan prinsip dan matlamat perjuangan beliau dan parti pimpinannya dan yang boleh membantu memantapkan penghasilan manifesto tersebut bagi meyakinkan pengundi.

Kaedah kapsyen memungkinkan idea dan falsafah perjuangan itu lebih terserlah dan menjadikan reka bentuk manifesto itu lebih bersifat mesra pembaca dan menarik. Terdapat lapan petikan ungkapan Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri dimuatkan di dalam manifesto itu. Petikan terdapat pada halaman 2 hingga halaman 9 manifesto. Peletakan petikan ungkapan pada masing-masing halaman adalah sesuai dengan perkara yang ditonjolkan pada halaman berkenaan. Petikan ungkapan berkenaan diperturunkan dalam Jadual 4.

Ungkapan Abdullah yang paling terkenal ialah “bekerja bersama saya dan bukan untuk saya” yang diucapkannya di negeri kelahirannya Pulau Pinang selepas menerima jawatan Perdana Menteri daripada Mahathir Mohamad. Sehingga kini, ungkapan ini semacam menjadi rujukan dalam kerangka kepimpinan Abdullah, atau sebagai bahan ulasan terhadap idea kepimpinannya, walaupun pada umumnya ia mungkin tinggal sebagai ungkapan semata-mata. Misalnya, profesor antropologi sosial Universiti Kebangsaan Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin dalam wawancara yang disiarkan oleh akhbar *Berita Minggu* 15

JADUAL 4. Intertekstualiti ‘Ungkapan Pemimpin dalam Manifesto Barisan Nasional

Bil.	Petikan Ungkapan	Halaman
1.	“Saya adalah hamba no. 1 negara.”	2
2.	“Bekerja bersama saya dan bukan untuk saya.”	3
3.	“Benar akhirat itu penting, tapi jangan hidup di dunia ini menjadi pengemis. Jangan hidup di dunia ini dihina orang.”	4
4.	“Barisan Nasional amat unik kerana mewakili semua kaum di Malaysia. Semua pihak mendapat tempat dalam pembangunan Malaysia. Ini menjadikan Barisan Nasional sebagai formula kongsi kuasa politik paling hebat di dunia dan berkesan hingga kini.”	5
5.	“Berjanjilah kepada diri dengan nama Allah, ‘saya tidak akan merasuah dan tidak boleh dirasuah’.”	6
6.	“Saya tegas dengan janji saya bahawa agenda saya bukan sekadar janji manis atau janji pilihan raya. Kerajaan yang saya pimpin dan parti yang saya ketua ini sudah membuktikan bahawa kami bekerja untuk rakyat dan bukan untuk mendapat undi.”	7
7.	“Agenda yang saya tetapkan adalah sesuatu yang saya mahu lihat dilaksanakan dan bukan sesuatu yang hanya sedap didengar dalam ucapan untuk mendapat tepukan. Sama ada bagi mewujudkan pentadbiran awam yang lebih cekap; menghapuskan rasuah; mengurangkan kerenah birokrasi; mempunyai perkhidmatan kaunter yang lebih baik; memperkukuhkan institusi seperti polis; memperbaiki sistem pendidikan; mewujudkan pengurusan ekonomi yang telus dan berhemat; atau mewujudkan sumber pendapatan dan pertumbuhan baru bagi kawasan luar bandar; komitmen saya untuk melihat matlamat ini dicapai adalah tetap dan kukuh.”	8
8.	“Berkongsi kuasa bermakna berkongsi masa depan bersama.”	9

April 2007 menyifatkan banyaknya perbalahan terbuka membabitkan ahli politik dan pegawai kerajaan yang disiarkan di media, malah di laman web adalah manifestasi semangat 'bekerja bersama saya dan bukan untuk saya' Abdullah.

## INTERDISKURSIVITI

Interdiskursiviti juga memfokus pada penghasilan teks dan pada hakikatnya adalah lanjutan kepada intertekstualiti. Analisis interdiskursiviti bertujuan mengenal pasti 'jenis wacana', 'genre', 'gaya' atau 'jenis aktiviti' atau apa pun nama seertinya yang dimanfaatkan dalam penghasilan wacana. Lazimnya, sesuatu wacana baru yang dihasilkan tidaklah bebas daripada jalinan beberapa jenis wacana. Dengan kata mudah, interdiskursiviti adalah jalinan jenis-jenis wacana lain dalam sesuatu teks baru (Fairclough 1992).

Analisis interdiskursiviti turut menyumbang secara bersepadu dalam memahami proses pemerolehan kuasa yang terselindung dalam manifesto Barisan Nasional. Seperti disenaraikan dalam Jadual 3, pada hakikatnya manifesto Barisan Nasional dihasilkan daripada penggabungan beberapa jenis wacana lain juga. Antara jenis wacana lain yang digabungkan ialah perutusan, ikrar, seruan, dan puisi.

Jenis wacana perutusan yang diinterdiskursifkan ialah perutusan Pengerusi Barisan Nasional, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Perutusan itu dimuatkan dalam halaman 3 manifesto. Perutusan ringkas itu memuatkan pernyataan iltizam Barisan Nasional, seperti "Barisan Nasional tidak pernah berpuas hati dengan sekadar bergantung kepada rekod cemerlang. Kita sering mencari jalan untuk memperbaharui dan memperbaiki. Barisan Nasional mempunyai wawasan, perancangan dan daya pelaksanaan untuk memimpin negara dalam dunia yang semakin mencabar.... Kami bertekad membangunkan negara secara menyeluruh dan seimbang berlandaskan pentadbiran, pengurusan, perkhidmatan malah pemikiran 'kelas pertama' serta sahsiah yang mulia dalam kalangan semua rakyat Malaysia." Selain itu, penghujung perutusan itu juga mengandungi klausa imperatif "Selamat mengundi" daripada Abdullah Ahmad Badawi.

Ikrar dimuatkan dalam halaman 19. Secara kasar, ikrar itu terstruktur daripada tiga komponen, iaitu pernyataan penghargaan, pernyataan azam, dan pernyataan janji. Pernyataan penghargaan menempati bahagian awal ikrar tersebut, dalam satu ayat yang berbunyi, "Bahawasanya Barisan Nasional dengan tulus ikhlas, merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat, atas sokongan dan mandat yang telah diberikan kepada kami selama ini untuk menerajui negara yang dicintai". Kemudian diikuti komponen pernyataan empat azam yang dikemukakan dalam format peluru ('bullets'). Intipati empat azam pilihan raya Barisan Nasional itu ialah (1) mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, (2) terus membangunkan negara, (3) memerangi fahaman sempit, dan (4) meningkatkan martabat bangsa dan negara. Komponen ketiga ialah satu ayat

penyataan janji yang menempati bahagian akhir ikrar – “kami akan meyakinkan rakyat melalui teladan dan bukti nyata agar rakyat terus bersama Kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai hasrat dan aspirasi murni negara”.

Satu lagi unsur interdiskursiviti yang digemblengkan dalam manifesto itu ialah jenis wacana seruan. Seruan dimuatkan pada bahagian atas halaman akhir (hlm. 20) dalam satu ayat berbunyi “Undilah Barisan Nasional”. Seruan itu ditulis dalam huruf saiz besar. Menempatkan seruan pada halaman akhir adalah sebagai penyimpul kepada semua yang telah ‘dipasarkan’ pada bahagian-bahagian sebelumnya dan sebagai permintaan terakhir kepada pengundi.

Unsur interdiskursiviti yang keempat ialah puisi. Puisi yang turut digemblengkan dalam pembikinan wacana manifesto ini ialah puisi Abdullah Ahmad Badawi sendiri yang pernah dibacakannya di Malam Puisi Utusan Ke-10 pada 9 Mei 2003. Puisi yang berjudul ‘Ku Cari Damai Abadi’ adalah lebih mengenai ‘perperibadian’ Abdullah Ahmad Badawi sendiri. Perkara ini ditafsir daripada penggunaan kata ganti nama ‘aku’ yang menonjol dalam puisi itu. Peribadinya diperlihatkan sebagai bukan seorang pemimpin yang materialistik, atau berfoya-foya, tetapi merupakan seorang yang berpegang kepada agama. Antara bait puisi Abdullah ialah ‘Aku cari bukan harta bertimbun-timbun, untuk hidup kaya; Aku cari bukan wang berjuta-juta, untuk hidup bergaya. Aku cari, mana dia Al-Ghazali, aku cari mana dia Al-Shafie, Aku hidup kerana Dia Rabbi’. Dengan kata lain, puisi Abdullah Ahmad Badawi yang menceritakan peribadi luhurnya digembleng sama dalam penghasilan manifesto kerana puisi tersebut amat membantu dalam memberi keyakinan pengundi terhadapnya. Malah puisi Abdullah ini pernah dilagukan dan siarkan berulang kali sebelum Berita Perdana 8.00 malam di TV1 RTM – rangkaian televisyen kerajaan.

## DAYA UJARAN

Analisis daya ujaran yang digembleng dalam penghasilan wacana juga adalah salah satu aspek penting dalam analisis wacana kritis. Hal ini kerana daya ujaran juga menyumbang dalam pemahaman proses kuasa lewat wacana. Yang dimaksudkan ‘daya ujaran’ ialah fungsi ujaran (‘speech function’), seperti pernyataan, permintaan, penawaran, pertanyaan, dan pemakluman yang turut membentuk wacana. Daya ujaran berkait atau boleh diperincikan kepada beberapa lakuan bahasa (‘speech acts’). Misalnya, penawaran boleh merupakan janji, ancaman, pemaafan, dan terima kasih, manakala permintaan boleh merupakan arahan, permohonan, rayuan, dsb. (Fairclough 1992; 2003).

Di dalam manifesto ini, ada dua daya ujaran yang dimanfaatkan, iaitu pernyataan dan permintaan. Daya ujaran pernyataan paling dominan, meliputi hampir semua subsekyen manifesto. Pernyataan dalam maksud lain ialah ‘pemberitahuan’ (‘telling’). Maksudnya, manifesto ini menggembleng sepenuhnya daya ujaran pernyataan dengan matlamat memberi tahu bakal pengundi akan

idealisme dan perjuangan Barisan Nasional dalam pilihan raya. Pengetahuan dan pemahaman dalam kalangan bakal pengundi dianggap penting oleh penggubal manifesto sebagai sebahagian usaha mempertahankan kuasa pemerintahan. Terdapat tiga fokus ujaran pernyataan, iaitu pernyataan komitmen, pencapaian, dan tekad. Perkara ini berkait dengan dasar-dasar perjuangan Barisan Nasional. (Lihat juga perbincangan Struktur Generik Manifesto di bawah). Jadual 5 mengandungi contoh pernyataan yang terdapat di dalam manifesto itu.

JADUAL 5. Daya Ujaran Pernyataan Manifesto Barisan Nasional dan Fokusnya

Komitmen	Pernyataan	
	Pencapaian	Tekad
1. “BN memastikan tiada golongan yang dibiarkan atau diketepikan bahkan setiap warga ada peranan dalam pembangunan negara” (hlm. 1).	5.1.1 “Rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat boleh merasa bangga dengan pencapaian ekonomi hasil kerjasama erat semua pihak. Antara petunjuk kejayaan kita adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• kadar pertumbuhan ekonomi 5.2% bagi 2003 melebihi jangkaan dengan kadar inflasi yang rendah” (hlm. 8).</li> </ul>	5.1.1 “Untuk memberikan anda perkhidmatan yang lebih baik dan pengurusan kerajaan yang telus Barisan Nasional bertekad: <ul style="list-style-type: none"> <li>• memeruskan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan, tanpa segan-silu mahupun pilih kasih” (hlm. 6).</li> </ul>
2. “Barisan Nasional akan terus mentadbir mengikut sistem demokrasi, berdasarkan prinsip undang-undang” (hlm. 16).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar kemiskinan berjaya dikurangkan dari 17% kepada sebanyak 5% semenjak 1990 (hlm. 9).</li> <li>• Kini terdapat 7,515 sekolah rendah, 1,902 sekolah menengah, 18 universiti dan kolej, dan universiti dan kolej, dan 16 politeknik (hlm. 12).</li> </ul>	5.1.1 “Usaha untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang masih berterusan. Kami bertekad: <ul style="list-style-type: none"> <li>• membasmi kemiskinan sepenuhnya dan merapatkan jurang pendapatan” (hlm. 9).</li> </ul>

Daya ujaran permintaan tidak banyak dimanfaatkan di dalam manifesto itu berbanding daya ujaran pernyataan, iaitu hanya terdapat masing-masing satu dalam halaman 12, 14, dan 20 (halaman akhir). Pada hemat saya, keadaan ini sejajar dengan fungsi dan konteks manifesto yang perlu lebih bersifat ‘promosi diri’ berbanding ‘permintaan’ daripada khalayak. Daya ujaran permintaan tersebut terdiri daripada dua jenis lakuan bahasa, iaitu ‘permohonan’ dan ‘rayuan’. Permintaan-permohonan ditandai oleh penggunaan kata modaliti *perlu* dan *harus*.



JADUAL 6. Daya Ujaran Permintaan Manifesto Barisan Nasional

Permohonan	Permintaan	Rayuan
1. “Bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita <i>perlu</i> memperbaiki kualiti pendidikan” (hlm. 12). 2. “Untuk menjadi sebuah negara membangun berdasarkan acuan kita sendiri, kita <i>harus</i> juga memastikan bahawa rakyat Malaysia memiliki nilai-nilai positif serta akhlak dan etika yang baik” (hlm. 14).		1. “ <i>Undilah</i> Barisan Nasional” (hlm. 20).

Manakala permintaan-rayuan ditandai oleh penggunaan partikel seruan *-lah* pada kata kerja *undi*. Jadual 6 menunjukkan kedua-dua jenis lakuan bahasa permintaan.

### SEMIOTIK

Berdasarkan pandangan Fairclough (1995), bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh pemahaman praktis/proses sosial dalam wacana, penganalisis boleh juga menggembleng unsur semiotik. Semiotik ialah ... *a general science of 'signs', of which, according to many scholars in the 20<sup>th</sup> century, linguistics is part. Thus words and morphemes are 'signs', specifically linguistic signs. So are traffic lights, or gestures ... or architectural features ... or anything else that in the broadest sense 'has meaning'...* (Matthews 1997: 336). Dalam analisis ini, dua unsur semiotik yang ketara bagi manifesto itu ialah aspek reka bentuk dan gambar foto. Manifesto itu direka bentuk menarik dan dihiasi secara menonjol dengan gambar foto berwarna yang sesuai dengan tema bagi setiap halamannya dengan gambar foto Abdullah. Pada hemat penulis, unsur reka bentuk dan gambar merupakan perkara penting dan menyumbang secara bersepadu dalam pembikinan makna dan pencapaian hasrat wacana, iaitu memperoleh kuasa. Juga, pada hemat penulis unsur semiotik ini penting dalam proses kewacanaan manifesto Barisan Nasional bagi pilihan raya umum 2004 khususnya.

Manifesto dalam bahasa kebangsaan (Melayu) itu terbina daripada 20 halaman, termasuk muka hadapan. Muka hadapan memuatkan gambar foto agak besar Abdullah Ahmad Badawi berbaju kebangsaan lengkap, melambai tangan sambil tersenyum lebar, masjid Putrajaya, kereta nasional yang dipandu oleh Abdullah bersama timbalannya Najib di sebelahnya, dan orang ramai pelbagai kaum mengibarkan bendera dan sepanduk Barisan Nasional. Selain itu, dimuatkan juga label *Cemerlang, Gemilang, Terbilang*, bendera Malaysia berkibar, dan simbol parti Barisan Nasional.

Pada setiap halaman dalam dimuatkan gambar yang disusun atur dengan teks, kecuali halaman tengah yang hanya memuatkan beberapa keping gambar dan label *Cemerlang, Gemilang, Terbilang*. Hampir setiap halaman ada gambar Abdullah yang berperanan sesuai dengan tema halaman berkenaan dan struktur generik wacana. Misalnya, dalam halaman dua, selepas tema *Ke Arah Malaysia Cemerlang Gemilang Terbilang* dimuatkan tiga gambar Abdullah. Pertama, beliau sedang menerima wafatikan pelantikan sebagai Perdana Menteri daripada Yang Dipertuan Agong, kedua gambar beliau sedang menerima serah tugas daripada Dr. Mahathir, dan ketiga gambar tangan beliau diangkat oleh Dr. Mahathir sewaktu persidangan agung UMNO. Gambar-gambar yang diselitkan itu ingin membayangkan penerimaan kuasa dan pewarisan kepimpinan yang teratur dan sistematik.

Gambar-gambar Abdullah dalam halaman lain antaranya menunjukkan beliau bersama pemimpin parti komponen Barisan Nasional, beliau berpakaian seragam Program Khidmat Negara, beliau bersama pelbagai lapisan masyarakat, bersama pemimpin negara luar, dan bersama anggota polis. Dalam halaman akhir, dimuatkan gambar besar beliau tersenyum lebar di tengah halaman, beserta teks rayuan undi, label dan puisi beliau dengan berlatar belakangkan orang ramai mengibarkan bendera Barisan Nasional. Pada beberapa halaman awalan juga dimuatkan kapsyen petikan kata-kata Abdullah seperti yang telah dibincangkan pada bahagian intertekstualiti di atas. Pendek kata, penonjolan pemimpin amat ketara digembleng dalam proses kewacanaan manifesto tersebut.

Gambar foto lain yang selaras tema pada halaman berkaitan turut dimuatkan. Misalnya, gambar orang ramai mengibarkan bendera negara dan majlis kebudayaan pelbagai kaum untuk tema 'Barisan Nasional Untuk Semua'. Selain itu, dimuatkan gambar pencapaian negara dalam segala bidang, seperti sukan, ekonomi, pendidikan, agama, sosial, keselamatan, dan hubungan luar negara.

Selain itu, setiap kali muncul, nama Barisan Nasional ditulis dalam huruf besar keseluruhannya. Pada substruktur prinsip (hlm. 2-3), nama parti ditulis ringkas sebagai 'BN' dan ditonjolkan ('highlighted'). Manifesto ini juga memanfaatkan teknik 'peluru' ('bullet') apabila menyenaraikan dasar berkaitan komitmen, pencapaian, dan tekad parti. Teknik penonjolan ini memudahkan pembaca manifesto kerana ia ringkas dan tepat pada fakta. Contoh penggunaan peluru ini dapat dilihat dalam bahagian struktur generik teks yang dibincangkan di bawah.

## PENYEBARAN DAN PENGGUNAAN

Aspek penyebaran dan penggunaan manifesto ini begitu ditekankan di dalam pilihan raya umum 2004. Daripada tinjauan dan pengamatan umum penulis semasa berlangsungnya kempen pilihan raya, didapati manifesto tersebut telah diedarkan ke pusat-pusat operasi parti di sesebuah kawasan pilihan raya dan yang

kemudiannya diedarkan kepada pengundi melalui beberapa cara, seperti diletakkan di peti surat rumah kediaman, edaran sewaktu kempen bersemuka, dan agihan perseorangan. Pada hari-hari kempen didapati kebanyakan pusat parti Barisan Nasional tidak lagi mempunyai salinan bercetak manifesto kerana telah habis diedarkan. Keadaan ini agak berbeza dengan pilihan raya umum sebelumnya apabila apabila didapati manifesto bertimbun-timbun di pusat berkenaan. Asas-asas yang digariskan dalam manifesto juga dijadikan intipati kempen bersemuka oleh calon yang bertanding atau wakilnya.

Aspek multimedia juga ditekankan dalam soal penyebaran dan penggunaan ini. Selain bercetak, manifesto turut dimuatkan dalam internet. Intipati manifesto turut menjadi bahan berita akhbar dan media elektronik, khususnya apabila tokoh-tokoh utama parti berkenaan memperkatakannya dalam kempen.

Bahasa pengantar manifesto juga diberi perhatian. Pada pilihan raya umum ke-11 Manifesto Barisan Nasional disediakan dalam pelbagai bahasa untuk menembusi pengundi pelbagai kaum di negara ini, iaitu dalam bahasa kebangsaan (bahasa Melayu), bahasa antarabangsa – bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, serta bahasa suku kaum Iban dan Kadazan. Bahasa-bahasa tersebut merupakan bahasa yang dituturkan oleh sebilangan besar rakyat negara ini. Naskhah bercetak berbahasa kebangsaan dihasilkan dalam dua versi, iaitu rumi dan jawi bagi keboleh-capaian golongan berkaitan.

## TEKSTUAL MANIFESTO BARISAN NASIONAL

Di dalam analisis ini, tiga ciri tekstual utama manifesto tersebut telah dikenal pasti sebagai menyumbang secara bersepadu dalam proses pembinaan praktis kuasa politik oleh Barisan Nasional. Ciri tekstual berkenaan ialah nahu, kosa kata, dan struktur generik teks. Berikut dibincangkan dengan lebih lanjut setiap ciri tersebut.

### NAHU

Mengikut Fairclough (1992) dimensi analisis nahuan dibahagi kepada tiga, iaitu transitiviti, tema, dan modaliti. Analisis nahu manifesto ini melihat dua aspek nahuan sahaja, iaitu transitiviti dan modaliti. Berikut dibincangkan dua unsur kenahuan yang ketara di dalam manifesto tersebut iaitu transitiviti dan modaliti.

### TRANSITIVITI

Analisis transitiviti merujuk dimensi ideasional nahu klausa seperti dijelaskan dalam linguistik sistemik Halliday. Tujuan analisis transitiviti adalah melihat sama

ada jenis proses, pemeran, dan pilihan suara tertentu digemari di dalam teks, sama ada aktif atau pasif (Fairclough 1992).

Di dalam analisis ini didapati suara (klausa) aktif paling dominan berbanding pasif yang amat sedikit digunakan. Daripada 157 klausa di dalam manifesto ini, 149 (95 peratus) adalah klausa aktif dan hanya 8 (5 peratus) klausa pasif. Klausa aktif berstruktur Pelaku + Proses + Pelengkap. Dengan kata lain, dengan struktur demikian, klausa aktif mengutamakan Pelaku atau Tema (lihat Halliday 1994). Di dalam teks manifesto ini, *Barisan Nasional* dan *kami* paling dominan digunakan sebagai Pelaku atau Tema dalam ayat. Menggunakan *Barisan Nasional* dan *kami* sebagai Pelaku/Tema bermaksud bahawa mereka benar-benar mahu bertanggungjawab terhadap apa yang dikatakan dan dijanjikan kepada pengundi. Misalnya, dalam klausa “Barisan Nasional akan terus mentadbir mengikut sistem demokrasi, berdasarkan prinsip undang-undang” (hlm. 16), Pelakunya ialah ‘Barisan Nasional’, Prosesnya ialah ‘mentadbir’, dan Pelengkapnya ialah unsur selebihnya. Dengan struktur klausa sedemikian, bermakna ‘Barisan Nasional’-lah yang menjadi Pelaku. Dalam erti kata lain, ini juga membayangkan bahawa parti ini memang menyedari akan kepentingan mengurus bahasa dalam mereka-bentuk wacana pilihan raya. Jadual 7 menunjukkan beberapa contoh dan analisis transitiviti penggunaan ayat berkenaan.

JADUAL 7. Transitiviti Klausa: Aktif

Pelaku/Tema	Proses	Pelengkap
1. BN	mengutamakan dan memastikan	perpaduan negara satu sistem kerajaan untuk seluruh rakyat. (hlm. 2)
2. BN	bertekad memastikan	Malaysia tetap berpengaruh di peringkat antarabangsa khususnya selaku pengerusi OIC dan NAM. (hlm. 3)
3. Barisan Nasional	komited memberi	kepada demokrasi berparlimen setiap warganegara suara dalam pentadbiran negara. (hlm. 4)
4. Barisan Nasional	akan terus mentadbir	mengikut sistem demokrasi, berdasarkan prinsip undang-undang. (hlm. 16)
5. Kami	berpegang	kepada perkongsian yang adil dan saksama dalam pembangunan ekonomi negara. (hlm. 5)

## MODALITI

Tujuan analisis modaliti ialah untuk menentukan pola darjah hubungan atau fungsi interpersonal yang dibina di dalam teks (Fairclough 1992). Di dalam

manifesto ini kedua-dua bentuk modaliti, iaitu aspek dan ragam dimanfaatkan. Bagaimanapun, modaliti aspek lebih banyak berbanding modaliti ragam, seperti ditunjukkan dalam Jadual 8. Modaliti aspek lebih banyak dimanfaatkan kerana sifat manifesto itu sendiri yang perlu ‘promosi diri’. Modaliti aspek adalah berkaitan masa, sama ada membawa makna akan, sedang, atau telah berlaku (Asmah 1980). Ketiga-tiga modaliti masa ini dimanfaatkan, dengan *akan* paling kerap, iaitu tujuh kali, *tetap* (1 kali), *terus* (2), dan *masih* (1), manakala *telah* (6). Modaliti *akan* dimanfaatkan untuk menekankan komitmen parti, modaliti ‘sedang’ (*tetap*, *terus*, *masih*) menekankan kesinambungan komitmen, manakala *telah* menekankan pencapaian lalu.

JADUAL 8. Modaliti dalam Manifesto Barisan Nasional 2004

Modaliti (Kkrpn)	Penggunaan ASPEK
akan (7)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Barisan Nasional <i>akan</i> terus memelihara keamanan, stabiliti dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia. (hlm. 5)</li> <li>2. Kami <i>akan</i> menjamin satu sistem kerajaan untuk semua rakyat. (hlm. 5)</li> <li>3. Barisan Nasional <i>akan</i> terus mendapatkan pandangan anda secara aktif bagi isu-isu penting seperti yang kita buktikan dalam langkah-langkah berikut: ... (hlm. 7)</li> <li>4. Barisan Nasional <i>akan</i> meningkatkan lagi pemahaman dan amalan agama Islam. (hlm. 13)</li> <li>5. Untuk itu, Barisan Nasional <i>akan</i> menerapkan ‘pemikiran kelas pertama’ di kalangan rakyat Malaysia. (hlm. 14)</li> <li>6. Barisan Nasional <i>akan</i> terus mentadbir mengikut sistem demokrasi, berdasarkan prinsip undang-undang. (hlm. 16)</li> <li>7. Barisan Nasional <i>akan</i> meneruskan usaha untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, menerusi perkongsian dengan sektor perkhidmatan awam, untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat. (hlm. 17)</li> </ol>
tetap (1)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Barisan Nasional <i>tetap</i> memainkan peranan aktif dalam isu-isu antarabangsa. (hlm. 18)</li> </ol>
terus (2)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. BN <i>terus</i> melaksanakan strategi pembangunan ekonomi untuk mencapai Wawasan 2020. (hlm. 3)</li> <li>2. Perkhidmatan awam di Malaysia telah melakar pelbagai kejayaan dan <i>terus</i> berusaha untuk meningkatkan kecekapan. (hlm. 17)</li> </ol>
masih (1)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Usaha untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang <i>masih</i> berterusan. (hlm. 9)</li> </ol>
telah (6)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi pada masa lalu, kita <i>telah</i> berjaya mencatat pencapaian yang menggalakkan: (hlm. 9)</li> </ol>

## (Sambungan) JADUAL 8

	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Sejak dulu, Barisan Nasional <i>telah</i> berusaha untuk menyediakan peluang meluas bagi pendidikan: (hlm. 12)</li> <li>3. Di bawah kerajaan Barisan Nasional, rakyat Malaysia <i>telah</i> menikmati hasil daripada pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat dan terancang. (hlm. 14)</li> <li>4. Perkhidmatan awam di Malaysia <i>telah</i> melakar pelbagai kejayaan dan terus berusaha untuk meningkatkan kecekapan. Pengkomputeran <i>telah</i> berjaya mengurangkan masa menunggu untuk pelbagai permohonan. Beberapa prosedur <i>telah</i> diperbaiki; contohnya pembayaran bil dan pembaharuan lesen di pejabat-pejabat pos serta permohonan kad pengenalan dan pasport. (hlm. 17)</li> </ol>
RAGAM	
perlu (1)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita <i>perlu</i> memperbaiki kualiti pendidikan. (hlm. 12)</li> </ol>
harus (1)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk menjadi sebuah negara membangun berdasarkan acuan kita sendiri, kita <i>harus</i> juga memastikan bahawa rakyat Malaysia memiliki nilai-nilai positif serta akhlak dan etika yang baik. (hlm. 14)</li> </ol>

Modaliti ragam pula berkaitan suasana perbuatan atau keadaan yang dirujuk oleh kata kerja leksikal (Asmah 1980). Dalam manifesto ini, dua jenis modaliti ragam dimanfaatkan, iaitu *perlu* dan *harus*, masing-masing sekali sahaja. Kurangnya modaliti suasana digunakan adalah selaras dengan ciri manifesto yang tidak sesuai bersifat ‘menunjuk ajar’ pengundi. Dalam pilihan raya, ‘pengundi adalah raja’.

## KOSA KATA

Analisis kosa kata menjurus kepada ‘kata kunci’ yang signifikan dengan proses kuasa. Dalam kajian ini pada hemat penulis, dua kata kunci yang secara bersepadu turut membantu pelaksanaan proses kuasa ialah *bertekad* dan *berazam*. Kata *bertekad* muncul 19 kali, manakala kata *berazam* empat kali. Kata *berazam* digunakan hanya pada bahagian ikrar dalam halaman 19. ‘Tekad’ bermaksud kemahuan yang bersungguh-sungguh (untuk mencapai sesuatu). ‘Azam’ juga mempunyai maksud yang hampir sama (*Kamus Dewan* 2005: 1628; 96). Dengan perkataan lain, manifesto ini memanfaatkan kedua-dua kata ini bagi memperlihatkan kesungguhannya kepada pengundi dalam memperoleh kuasa dan seterusnya memerintah. Kesungguhan itu meliputi pelbagai bidang seperti yang disebutkan di dalam manifesto itu. Berikut dikemukakan beberapa contoh penggunaan kata tersebut.

1. BN *bertekad* meneroka sumber-sumber kekayaan dan pendapatan baru dengan membina potensi kawasan luar bandar. (hlm. 3)
2. Barisan Nasional *bertekad*:
  - Meneruskan kempen memerangi rasuah secara habis-habisan, tanpa segan silu mahupun pilih kasih. (hlm. 6)
3. Bagi menghadapi cabaran-cabaran masa depan, kami *bertekad*:
  - Terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk mencapai Wawasan 2020. (hlm. 8)
4. Atas kesedaran dan keinsafan ini, Barisan Nasional, berikrar dan berjanji bahawa sesungguhnya kami:
  - *Berazam* mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara, menjunjung prinsip-prinsip Rukunegara, demi menjamin kestabilan negara dan keutuhan perpaduan rakyat, untuk terus hidup dalam suasana harmoni, aman dan damai. (hlm. 19)

### STRUKTUR GENERIK TEKS MANIFESTO

Struktur generik teks ialah “the overall structure or organization of a text.” Analisis struktur generik adalah berkenaan nilai strategi genre yang bersifat tujuan-terpandu (*purpose-driven*) (Fairclough 2003: 216; 72). Pendek kata, secara menyeluruh, struktur generik turut berperanan dalam pelaksanaan praktis kuasa.

Pada hemat penulis, struktur generik teks manifesto Barisan Nasional 2004 dibina daripada lima substruktur. Manifesto itu bermula dengan tema, diikuti pernyataan prinsip, dasar perjuangan, ikrar, dan akhir sekali rayuan. Lima substruktur itu ditunjukkan dalam Rajah 1. Setiap struktur itu mempunyai peranan dalam memberi keyakinan dan pemahaman akan keupayaan parti Barisan Nasional membentuk kerajaan. Setiap substruktur digembleng bagi mencapai hajat tersebut.

Tema memuatkan teras idealisme yang diperjuangkan oleh parti Barisan Nasional dalam pilihan raya 2004 di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Tema manifesto Barisan Nasional ialah *Ke Arah Malaysia Cemerlang, Gemilang, Terbilang*. Tema itu dibentuk daripada label *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* Abdullah Ahmad Badawi juga seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Tema ditempatkan di bahagian atas halaman 2 dengan tulisan saiz besar.

Substruktur kedua ialah prinsip. Di dalam manifesto ini digariskan tiga (3) prinsip asas Barisan Nasional dalam menghadapi pilihan raya 2004, iaitu:

- Barisan Nasional untuk Semua
- Barisan Nasional Menyokong Anda
- Barisan Nasional untuk Masa Depan yang Maju, Aman dan Makmur

Prinsip dimuatkan pada halaman 2 hingga 3. Selepas pernyataan setiap prinsip disenaraikan pula intipatinya. Prinsip pertama mempunyai empat intipati, prinsip



RAJAH 1. Struktur Generik Teks Manifesto Barisan Nasional 2004

kedua tiga intipati, dan prinsip ketiga 12 intipati. Setiap intipati memperkukuh prinsip asas yang digariskan. Misalnya, di bawah prinsip pertama disenaraikan intipati seperti berikut.

#### Barisan Nasional untuk Semua

BN memastikan tiada golongan yang dibiarkan atau diketepikan bahkan setiap warga ada peranan dalam pembangunan negara.

BN memastikan semua kaum akan diwakili selaras dengan amalan perkongsian kuasa yang tulen.

BN menjamin keamanan, kemakmuran dan keharmonian seluruh rakyat

BN mengutamakan perpaduan negara dan memastikan satu sistem kerajaan untuk seluruh rakyat.

Substruktur ketiga ialah dasar. Dasar dimuatkan dalam halaman 4 hingga 18. Secara umum, dasar adalah perincian setiap prinsip tadi. Prinsip Barisan Nasional Untuk Semua diperincikan dalam halaman 4 hingga 5, prinsip kedua Barisan Nasional Menyokong Anda diperincikan dalam halaman 6 hingga 7. Prinsip ketiga, 'Barisan Nasional untuk masa depan yang maju, aman dan makmur' diperincikan dalam halaman 8 hingga 18. Perincian prinsip ketiga lebih panjang



lebar berbanding prinsip lain sebelumnya dan dibahagikan kepada subsektor: ekonomi (hlm. 8), pembangunan seimbang (hlm. 9), pendidikan (hlm. 12), agama (hlm. 13), pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai etika (hlm. 14-15), undang-undang dan keselamatan awam (hlm. 16), perkhidmatan awam (hlm. 17), dan dasar luar negara (hlm. 18).

Dasar distruktur oleh sekurang-kurangnya dua daripada tiga komponen, iaitu latar, pencapaian, dan tekad. Dasar 'Barisan Nasional Untuk Semua' dan 'Barisan Nasional Menyokong Anda' mempunyai komponen latar dan pencapaian, manakala dasar 'Barisan Nasional untuk masa depan yang maju, aman dan makmur' mempunyai komponen latar, pencapaian, dan tekad. Latar berkisar dasar berkenaan secara ringkas; pencapaian pula adalah mengenai angka-angka atau keadaan positif yang dicapai oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini; sementara tekad adalah berkenaan hasrat dan komitmen Barisan Nasional kepada bakal pengundi pilihan raya. Dalam Jadual 9 diperturunkan petikan contoh subdasar pendidikan di dalam manifesto tersebut.

Substruktur keempat ialah ikrar, yang ditempatkan dalam halaman kedua akhir bertulis 'Ikrar Barisan Nasional'. 'Ikrar' ialah lafaz janji, pengakuan yang sungguh-sungguh, yang disertai sumpah (*Kamus Dewan* 2005: 565). Kandungan ikrar telah dibincangkan dalam bahagian interdiskursiviti di atas.

JADUAL 9: Komponen Dasar Manifesto BN

Data	Analisis Komponen
PENDIDIKAN	LATAR
Kejayaan negara kita bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan keupayaan generasi muda. Sejak dulu, BARISAN NASIONAL telah berusaha untuk menyediakan peluang meluas bagi pendidikan:	
<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Pembiayaan untuk sektor pendidikan terus menjadi komponen terbesar dalam perbelanjaan kerajaan.</li> <li>❖ Kini terdapat 7,515 sekolah rendah, 1,902 sekolah menengah, 18 universiti dan kolej, dan 16 politeknik.</li> </ul>	PENCAPAIAN
Bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita perlu memperbaiki kualiti pendidikan. Kami bertekad:	
<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang di semua peringkat persekolahan dan pengajian.</li> <li>❖ Meningkatkan mutu pengajaran bagi kemahiran komunikasi termasuk bahasa Inggeris, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir secara kritis.</li> </ul>	TEKAD

Substruktur yang akhir ialah rayuan. Rayuan dikemukakan dalam satu ungkapan 'Undilah Barisan Nasional'. Penempatannya dalam bahagian dan halaman akhir adalah sebagai perumus segala apa yang telah dijanjikan dan berharap pengundi akan memilih parti ini dalam pilihan raya. (Lihat juga bahagian interdiskursiviti di atas).

## KESIMPULAN

Makalah ini bertitik tolak daripada keinginan melebarkan ufuk disiplin linguistik, supaya bukan sahaja tentang 'dunia bahasa' yang dikerjakan, tetapi juga memerihai bahasa dalam konteks 'dunia nyata' atau dinamakan 'linguistik dunia nyata'. Membikin 'linguistik dunia nyata' adalah usaha menghubungkan sistem ('form') bahasa yang dikerjakan dalam 'linguistik dunia bahasa' dengan penggunaan sebenarnya (wacana) di dalam kehidupan sosial manusia. Sebagaimana difahami, jalinan bahasa dan kehidupan sosial tidak terelakkan, walaupun jalinan itu berserabut atau terlindung. Secara mudah, lewat bahasa (wacana) manusia menjalani proses/praktis kehidupan sosial, seperti memimpin, memerintah, mendidik dan berniaga.

Bertitik tolak daripada keinginan itu, makalah ini meneliti perjuangan mendapatkan kuasa terselindung dalam wacana dengan menganalisis bagaimana bahasa dimanfaatkan dan dalam masa yang sama bagaimana bahasa berfungsi dalam proses memperoleh kuasa pemerintahan. Untuk itu, wacana manifesto pilihan raya umum 2004 parti Barisan Nasional dipilih. Berbekalkan kerangka teoretikal analisis wacana kritis, analisis ini mendapati perjuangan kuasa di dalam manifesto itu dibayangkan oleh kesepaduan sifat kewacanaan dan sifat tekstualnya. Dari dimensi kewacanaan, manifesto itu dihasilkan dengan intertekstualiti slogan dan ungkapan pemimpin; interdiskursiviti puisi dan perutusan pemimpin, ikrar, dan seruan; daya ujaran penyataan dan permintaan, aspek semiotik yang menarik; serta penyebaran yang meluas dan memadai. Dari dimensi tekstual pula, manifesto itu memanfaatkan secara dominan ayat aktif dengan BN sebagai pelaku dan modaliti masa, kata kunci yang memberi keyakinan kepada bakal pengundi, dan struktur generik yang berkesan dan tersusun. Pada hemat penulis, pengurusan manifesto (wacana) sedemikian mungkin merupakan salah satu faktor yang turut menyumbang kepada kemenangan memperoleh kuasa yang besar oleh parti Barisan Nasional dalam pilihan raya 2004, selain mungkin kerana faktor keghairahan rakyat kepada pemimpin baru dan kebosanan kepada pemimpin sebelumnya.

## NOTA

- \* Makalah ini dijana daripada penyelidikan SK 24 2004 Universiti Kebangsaan Malaysia dan diperkemas daripada kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Linguistik dan

- Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-2 anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, DBP, dan KeKKWa pada 13 September 2006.
- 1 Barisan Nasional (BN) adalah gabungan UMNO, MCA, MIC, GERAKAN, PPP, PBB, PBDS, SUPP, PBS, UPKO, SAPP, PBRS, dan SPDP. Asalnya tiga buah parti sahaja, iaitu UMNO, MCA, dan MIC yang ditubuhkan sewaktu gerakan menuntut kemerdekaan.
  - 2 Johnstone (2002) juga berpendapat demikian – “discourse analysts often need to think about the connections between language and other such semiotic systems.”
  - 3 Dialektik adalah cara berfikir dan berhujah, atau suatu metod analisis. Ia memerlukan penjalinan prinsip atau andaian ontologi dan epistemologi tertentu (Fairclough 2003).
  - 4 Majoriti mudah ialah 110 kerusi, majoriti dua pertiga ialah 146 kerusi, manakala majoriti 90 peratus ialah 197 kerusi (www.utusan.com.my/utusan/special).
  - 5 Slogan boleh juga dikaitkan dengan apa yang dinamakan ‘label’ oleh Tony Blair, Perdana Menteri Britain. Menurut beliau, “ideas need labels if they are to become popular and widely understood” (Fairclough 2000). ‘Third Way’ merupakan contoh label kepimpinan Tony Blair yang bagi sesetengah penganalisis politik menyumbang kepada kejayaan politiknya, umumnya parti New Labour.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chilton, P. & Schäffner, C. 1997. Discourse and politics. Dlm. van Dijk, T.A. (ed.). *Discourse as Social Interaction – Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*. Volume 2. London: Sage Publications. Pp 206-230.
- Bourdieu, P. 1991. *Language & Symbolic Power*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Fairclough, N. & Wodak, R. 1997. Critical discourse analysis. Dlm. van Dijk, T.A. (ed.). *Discourse as Social Interaction – Discourse Studies: A Multidisciplinary Introduction*. Volume 2. London: Sage Publications. Pp 258-284.
- \_\_\_\_\_ 1989. *Language and Power*. London: Longman.
- \_\_\_\_\_ 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- \_\_\_\_\_ 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London & New York: Longman.
- \_\_\_\_\_ 2000. *New Labour, New Language?* London & New York: Routledge.
- \_\_\_\_\_ 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Idris Aman. 2004. Bahasa dan Analisis Sosial. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Jilid 2. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM. Bangi. 14-16 Disember. Hlm. 209-216.
- Johnstone, B. 2002. *Discourse Analysis*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthews, P.H. 1997. *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Fuad Mat Jali, Hanapi Dollah, Nidzam Sulaiman, Zaini Othman, & Suzanna Isa. 2004. Barisan Nasional dan hegemoni dalam politik Malaysia. Kertas kerja

Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (ICOSH). 14-16 Disember.  
UKM, Bangi.

*New Straits Times*. May 6, 2005.

[www.parlimen.gov.my/dR](http://www.parlimen.gov.my/dR) (20 Oktober 2004)

[www.bharian.com.my/Misc/Pilihanraya2004](http://www.bharian.com.my/Misc/Pilihanraya2004) (20 Oktober 2004)

[www.utusan.com.my/utusan/special](http://www.utusan.com.my/utusan/special) (20 Oktober 2004)

Idris Aman, Ph.D  
Program Linguistik  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor D.E.

Emel: [idrisa@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:idrisa@pkrisc.cc.ukm.my) : [www.ukm.my](http://www.ukm.my)